

Rasuh dan masyarakat kita seolah-olah semakin sukar untuk dipisahkan sehingga ada ketikanya kelihatan gejala rasuh sudah terlalu sebat dalam masyarakat kita. Hal ini kerana walaupun tangkapan demi tangkapan dibuat, statistik pesalahan rasuh dilihat terus meningkat dan sudah semestinya ini satu persekitaran yang tidak sihat untuk negara dan juga rakyat. Jadi usaha dan inisiatif untuk memerangi gejala rasuh perlu terus dirancakkan dengan harapan pada akhirnya kita dapat mencapai impian menjadi negara bebas rasuh.

Walaupun penulis sendiri sudah beberapa kali mengupas isu gejala rasuh sebelum ini, tangkapan demi tangkapan yang dibuat menyebabkan penulis belum puas menulis mengenainya demi menyedarkan masyarakat mengenai budaya terkeji ini.

Baru-baru ini Suruhanjaya Pencegahan Rasuh Malaysia (SPRM) mendedahkan sebanyak RM2.5 billion wang tunai berjaya dirampas dan disita menerusi pelbagai siasatan yang dijalankan dalam tempoh empat bulan sejak Jun lalu.

Menurut Ketua Pesuruhjaya SPM, Datuk Seri Mohd Shukri Abdull, rampasan itu membabitkan pelbagai kesalahan rasuh, penyelewengan serta salah guna kuasa, selain siasatan terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Malah jumlah rampasan ini dikatakan tidak termasuk pelbagai rampasan berbentuk barang seperti kenderaan, barang perhiasan atau hartanah yang belum ditafsirkan nilainya. Ini bermaksud nilai rampasan setakat ini adalah jauh lebih besar dan cukup untuk mencetuskan rasa kerisauan dan keimbangan dalam kalangan anggota masyarakat.

Maka persoalan utama sekarang ialah sampai bila gejala rasuh, penyelewengan dan salah laku terus membelenggu masyarakat kita? Apakah kita mahu berdiam diri, pejam mata dan membiarkan rasuh terus berleluasa dan menghancurkan rakyat dan negara ini. Harus diingat kalau masyarakat boleh berpegang pada nilai integriti yang tinggi dengan tidak menawarkan atau menghulurkan rasuh kita mampu membanteras gejala ini dari akar umbi. Tapi masalahnya masyarakat masih terus menawarkan rasuh untuk mendapatkan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan demi kepentingan peribadi sehingga mendorong dan 'memaksa' penjawat awam melakukan penyelewengan dan salah laku. Tangkapan demi

tangkapan penjawat awam terutama anggota penguat kuasa daripada pelbagai agensi kerajaan membuktikan perkara ini.

Kita mendapati rasuh sudah menjadi budaya dalam kalangan sekelompok anggota masyarakat kita yang suka menggunakan jalan mudah dan pintas untuk mendapatkan apa yang mereka hajati. Jadi usaha untuk mengubah budaya, sikap dan mentaliti masyarakat perlu terus dipergiatkan. Ringkasnya program berbentuk kesedaran, pendidikan dan pencegahan perlu terus dilaksanakan. Dalam konteks ini kita tidak boleh meletakkan harapan kepada SPRM semata-mata sebaliknya setiap anggota masyarakat, organisasi dan institusi perlu memainkan peranan.

Misalnya institusi keluarga perlu menerapkan budaya integriti dan nilai murni yang lain seperti amanah, adil, jujur dan bertanggungjawab dengan mendidik anak-anak menolak rasuh, penyelewengan dan salah guna kuasa sejak kecil lagi. Hal ini bertepatan dengan pepatah melentur buluh biar dari rebungnya. Biarlah anak-anak generasi masa hadapan ini membesar dengan ajaran dan didikan yang betul supaya menjadi manusia yang berguna kepada

agama, bangsa dan negara kelak.

Perkara sama perlu berlaku di sekolah dan juga institusi pendidikan tinggi (IPT) sebagai kesinambungan ajaran di rumah. Sekolah misalnya adalah tempat yang cukup strategik selain rumah untuk membentuk peribadi anak. Jadi besarlah harapan kita agar barisan guru dapat memberi penekanan kepada aspek integriti dan nilai murni dengan lebih meluas. Harus diingat tiada gunanya kita melahirkan pelajar cemerlang dalam akademik tetapi ketinggalan jauh dalam aspek keunggulan nilai peribadi. Masa depan negara akan hancur jika generasi akan datang tidak mampu mengekang dan mengawal diri daripada terlibat dengan rasuh.

Mahu tidak mahu kita perlu menerima hakikat betapa penjawat awam merupakan antara kumpulan sasar dan kelompok yang sering terpalit dengan rasuh, penyelewengan dan salah guna kuasa. Jadi kita perlu melakukan sesuatu dengan serius supaya dapat membersihkan perkhidmatan awam dari virus rasuh ini. Tindak tunduk segelintir penjawat awam ini akhirnya merosakkan keseluruhan imej dan nama baik perkhidmatan awam. Jika keadaan ini berterusan kita

khuatir kepercayaan rakyat terhadap agensi kerajaan akan semakin terhakis. Justeru usaha untuk membersihkan perkhidmatan awam ini perlu dilakukan dengan drastik dan efisien dengan mengambil tindakan yang tegas terhadap penjawat awam yang didapati bergelumang dalam najis rasuh. Jangan kompromi dalam soal ini!

Pada masa sama hukuman terhadap pesalahan jenayah rasuh juga wajar dikaji semula. Mengambil kira peningkatan drastik kes rasuh sejak kebakaran ini rasanya tidak keterlaluan untuk kita merumuskan kemungkinan besar hukuman yang sedia ada masih belum dapat mengajar dan menakutkan masyarakat. Ringkasnya tidak setimpal dengan jenayah tersebut. Ini menyebabkan mereka terus berani memberi atau menerima sogokan untuk pelbagai kepentingan. Jadi dalam hal ini kita menyokong penuh saranan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang mencadangkan hukuman lebih berat terhadap pesalahan rasuh termasuk mengenakan hukuman sebat. Kita percaya kombinasi hukuman denda, penjara dan sebat mungkin mampu menakutkan masyarakat kita. Harus diingat

hukuman terhadap pesalahan rasuh di negara luar lebih dasyat, misalnya di China, rasuh dilihat sebagai kesalahan yang berat dan pelaku boleh dikenakan hukuman mati.

Hakikatnya kesan rasuh, penyelewengan dan salah guna kuasa adalah terlalu dasyat dan meluas sehingga ada yang menggelarnya sebagai ibu segala punca jenayah yang berlaku. Misalnya rasuh menjadi punca masalah kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) serta pelbagai jenayah lain seperti kongsi gelap, perjudian dan pelacuran terus berleluasa di negara kita. Akhirnya rasuh boleh memudaratkan rakyat dan negara. Jadi kita berharap kepada yang sudah terbiasa memberi rasuh segera hentikan perbuatan terkutuk tersebut dan kita juga berharap agar yang rajin menerima rasuh selama ini tidak lagi menggadai maruah diri dan segera menghentikan perbuatan tersebut. Semoga pihak berkuasa akan terus memerangi rasuh tanpa rasa bosan, jemu mahupun putus asa demi kesejahteraan rakyat dan juga negara.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia**

Terus perangi gejala rasuh

● Rencana Minda bertajuk 'Terap budaya integriti dalam pekerjaan' yang diterbitkan semalam adalah tulisan Dr Aminudin Mansor.

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

